

NOTA AMALAN NO. 1/2017

PINDAAN SEKSYEN 15A AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 ISU BERHUBUNG TARIKH KUAT KUASA

- 1.0 Nota ini dikeluarkan bagi memberi panduan berkenaan pemakaian pindaan Seksyen 15A, Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta ini) dalam Bajet 2017 khusus berkaitan kontrak yang ditandatangani atau perkhidmatan dilaksanakan di luar Malaysia sebelum berkuat kuasanya pindaan ini.
- 2.0 Pindaan ini adalah berkuat kuasa mulai 17.1.2017.
- 3.0 Dengan pindaan ini, mana-mana pendapatan yang termasuk di bawah perenggan 4A(i) dan 4(A)ii), Akta ini adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, Akta ini tanpa mengambilkira sama ada perkhidmatan dilaksanakan di Malaysia atau di luar Malaysia.
- 4.0 Berikut adalah contoh-contoh yang menunjukkan keadaan di mana cukai pegangan di bawah seksyen 109B, Akta ini terpakai.

4.1 Bagi kontrak yang ditandatangani dan dilaksanakan **selepas 17.1.2017**

Bayaran yang dibuat kepada bukan pemastautin tertakluk kepada cukai pegangan.

Contoh 1:

Tempoh kontrak / Tempoh perkhidmatan dilaksanakan	Implikasi
1.2.2017 – 31.1.2019	Bayaran tertakluk kepada cukai pegangan

4.2 Bagi kontrak yang ditandatangani **sebelum 17.1.2017**, dan perkhidmatan dilaksanakan di luar Malaysia bagi tempoh sebelum dan selepas 17.1.2017.

Contoh 2:

Kontrak ditandatangani untuk tempoh 1.12.2016 – 28.2.2017.

Tempoh perkhidmatan dilaksanakan	Implikasi
1.12.2016 – 16.1.2017	Bayaran tidak tertakluk kepada cukai pegangan
17.1.2017 – 28.2.2017	Bayaran tertakluk kepada cukai pegangan

- 4.3 Bagi kontrak yang ditandatangani dan perkhidmatan dilaksanakan di luar Malaysia **sebelum 17.1.2017**, tetapi bayaran dibuat selepas 17.1.2017.

Bayaran yang dibuat selepas 17.1.2017 berkaitan perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia sebelum 17.1.2017, adalah tidak tertakluk kepada cukai pegangan.

Contoh 3:

Tempoh perkhidmatan dilaksanakan	Tarikh Bayaran	Implikasi
1.12.2016 – 16.1.2017	28.1.2017	Bayaran tidak tertakluk kepada cukai pegangan

- 4.4 Bagi kontrak ditandatangani dan bayaran dibuat **sebelum 17.1.2017**, tetapi perkhidmatan dilaksanakan di luar Malaysia selepas 17.1.2017.

Bayaran yang telah dibuat sebelum 17.1.2017 berkaitan perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia selepas 17.1.2017, adalah tidak tertakluk kepada cukai pegangan.

Contoh 4:

Tempoh perkhidmatan dilaksanakan	Tarikh Bayaran	Implikasi
17.1.2017 – 28.2.2017	1.12.2016	Bayaran tidak tertakluk kepada cukai pegangan

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

TARIKH PENERBITAN: 23 JUN 2017